

**Laporan Majlis Makan Malam EXSAS Dan
Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Sultan Haji Ahmad Shah (AKSHAH) 2010
“HIDUP BERJASA”**

A. Pendahuluan

Acara kemuncak kepada takwim dwi-tahunan Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan (EXSAS) telah berlangsung dengan gilang-gemilang pada 6 Februari 2010 di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya.

Matlamat utama

- a) Meraikan kecemerlangan akademik dan kurikulum pelajar SEMSAS disamping mengiktiraf pencapaian cemerlang ahli EXSAS di dalam karier dan sumbangan kepada masyarakat bersesuaian dengan motto “Hidup Berjasa”
- b) Merapatkan jaringan silaturrahim dan kerjasama di antara bekas-bekas pelajar berbagai “batch” bagi meningkatkan pencapaian individu dan EXSAS
- c) Meningkatkan tabungan persatuan bagi menampung aktiviti-aktiviti tahunan yang telah dirancang

Bagi menggantikan tempat **KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah** yang tidak dapat mencemar duli untuk hadir, **Y.Bhg Tan Sri Sabaruddin Chik** selaku Tokoh Cemerlang Negeri Pahang Darul Makmur telah diundang sebagai Tetamu Kehormat.

Jawatankuasa AKSHAH yang melibatkan gandingan tenaga pelbagai “batch” berasa amat bertuah kerana mendapat naungan dan nasihat daripada dua orang bekas pengetua SEMSAS yang dihormati iaitu **YH Ayahanda Dato' Hj Abdul Rahim Hamid** dan **YH Ayahanda Dato' Abdul Ghafar Mahmud**.

Jawatankuasa AKSHAH

Penaung	YH Dato' Hj Abdul Rahim Hamid
Penasihat	YH Dato' Abdul Ghafar Mahmud
Presiden EXSAS	Mohamed Mazlan Abd Razak (SPM 83)
Pengerusi Majlis	Azmi Abd Rahman (SPM 83)
Sekretariat	Tuan Haji Rahasdin Hj Razali (SPM 82) Paezah Ab Rahman (SPM 77) Anuar Alawiyah Othman (SPM 86) Azita Ilya Abdul Jabbar (SPM 86)
Penajaan & Kewangan	Rozmah Ismail (SPM 81) Nurul Sheila Khalib (SPM 99)
Protokol dan Hal Ehwal Pelajar	Althahir Abd Rashid (SPM 87) Azahari Muhamad Yusof (SPM 86)
Publisiti dan Pendaftaran	Azlina Othman (SPM 93) Suhaimi Mat Hussain (SPM 91) Aznil Putra Ahmad Rapaai (SPM 87)
Dewan/F&B	Shukri Hasan (SPM 83) Mohd Faris Idris (SPM 80) Harris Zamzairie Nashoha (SPM 92)
Persembahan dan Sistem AV	Noor Hanyta Johari (SPM 92) Audi Zharif Aizat Ismail (SPM 2004)

B. Kehadiran dan Kedudukan Kewangan

Usaha gigih Jawatankuasa Pengelola serta kerjasama semua “batch” membolehkan AKSHAH pada kali ini mencatat sejarah dengan jumlah kehadiran paling ramai iaitu **550** orang. Seperkara lagi yang menjadi kebanggaan EXSAS ialah majlis di atas telah mendapat sokongan daripada “batch” pertama (SPM/MCE 1975) sehingga “batch” terakhir (SPM 2009).

Dari segi kedudukan kewangan, AKSHAH 2010 telah mencapai lebihan berjumlah RM 15,000.00 daripada kutipan keseluruhan sebanyak RM 50,000.00. Ianya adalah satu kejayaan memandangkan yuran permulaan yang dikenakan adalah lebih rendah daripada edisi terdahulu (RM 100.00 sahaja) dan kutipan hanya ditumpukan secara dalaman (ahli sahaja) tanpa jualan meja kepada syarikat korporat atau pihak swasta lain.

C. Perjalanan Acara

Pengacara iaitu saudara **Azmi Wahab** (SPM 94) dan saudari **Zuraiyah Maskam** (SPM 94) telah memulakan majlis sebaik sahaja ketibaan tetamu kehormat.

Seperti kelaziman dalam semua majlis anjuran EXSAS, nyanyian lagu sekolah, Hidup Berjasa secara beramai-ramai menjadi pembuka diikuti dengan bacaan doa oleh Saudara **Shukri Hasan** yang merupakan Setiausaha Badan Pelajar-Pelajar Islam (BPPI) SEMSAS pada tahun 1983.

Majlis diteruskan dengan ucapan Presiden EXSAS, saudara **Mohd Mazlan Razak**. Dalam ucapannya, Presiden telah secara ringkas memaklumkan kepada hadirin tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh EXSAS sepanjang tempoh 2008/2010. Aktiviti utama EXSAS dibahagikan kepada tiga perkara utama:

- i. Program sosial dan berbentuk ilmiah sesama ahli
- ii. Program membantu perkembangan kepimpinan dan pilihan kerjaya pelajar SEMSAS
- iii. Program komuniti setempat bagi meningkatkan profil EXSAS

Selain itu, Tuan Presiden telah juga memaklumkan kepada hadirin bahawa sepanjang tahun 2008 dan 2009, EXSAS dengan kerjasama ahli telah berjaya menyampaikan bantuan kewangan berjumlah **RM 50,000.00** kepada pihak SEMSAS untuk keperluan infrastruktur dan perbelanjaan program-program ke arah pembentukan kepimpinan para pelajar.



Berikutnya, Y.Bhg **Tan Sri Sabaruddin Chik** telah menyampaikan ucapan beliau dan seterusnya merasmikan Majlis Makan Malam EXSAS dan AKSHAH 2010. Y.Bhg Tan Sri Sabaruddin Chik adalah seorang yang berpengalaman luas berdasarkan pengalaman menjadi Menteri Kabinet Malaysia selama 12 tahun. Beliau telah berkongsi cerita bagaimana beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri oleh Perdana Menteri Malaysia, **Tun Mahathir** walaupun ketika itu beliau baru beberapa hari memenangi kerusi Parliment Temerloh.

Beliau juga menyatakan rasa kagum di atas semangat setiakawan yang ditunjukkan oleh ahli EXSAS. Walaupun telah mendapat pendidikan di Malay College, Kuala Kangsar (MCKK) dan kini menjadi ahli Malay College Old Boys Association (MCOBA), beliau merasakan bahawa EXSAS mampu menyaingi MCOBA dari beberapa aspek. Di akhir ucapannya, beliau berkeyakinan bahawa ada dikalangan ahli EXSAS yang akan berjaya menduduki kerusi Kabinet Kerajaan Malaysia dalam masa terdekat.



Setelah selesai persembahan '*montage*' aktiviti EXSAS, tetamu Kehormat, dif-dif jemputan dan hadirin sekalian kemudiannya telah menjamu selera. Sebagai selingan, "SEMSAS Wind Ensemble" telah melakukan persembahan. Kumpulan ini merupakan sebahagian daripada ahli kumpulan "Wind Orchestra SEMSAS". Mereka telah memainkan lima buah lagu termasuklah "The Final Countdown". Kebanyakan hadirin amat berpuas hati dengan persembahan mantap kumpulan ini yang terdiri daripada pelajar tingkatan 3, 4 dan 5.

Kumpulan "Wind-Orchestra SEMSAS" telah mendapat bantuan penajaan daripada KDYMM Sultan Pahang dengan jumlah keseluruhan melebihi **RM 200,000.00** beberapa tahun lepas bagi membeli peralatan muzik mereka.



Majlis diteruskan lagi dengan acara kemuncak iaitu penyampaian Anugerah-Anugerah Kecemerlangan. Kategori anugerah ialah:

- a) **Anugerah Pelajar Cemerlang 2007.** Penerimanya ialah saudara **Ahmad Nouri bin Abdullah** (beliau kini sedang melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat dan telah diwakili oleh ibu bapa beliau)



- b) **Anugerah Pelajar Cemerlang 2008.** Penerimanya ialah Nur Fairuz binti Asmui.



c) **Anugerah Cemerlang HIDUP BERJASA.** Penerimanya terdiri daripada mantan-mantan Presiden EXSAS iaitu:

- i. **YH Datuk Mohd Mustafa Dato' Mohd Khalid** (Presiden dari tahun 1998-2003)
- ii. **Encik Ismail Abdullah** (Presiden dari tahun 2003-2004)
- iii. **YH Dato' Ir Muhammad Imran Dato' Baharuddin** (Presiden dari tahun 2004-2008)



d) **Anugerah Tertinggi HIDUP BERJASA.** Penerimanya ialah **YM Dato' Tengku Yusof Tengku Ahmad Shahrudin** (SPM 79) yang kini merupakan Pengarah Urusan Dayang Enterprise Holdings Bhd. Di majlis ini, Dato' Tengku Yusof telah bermurah hati menyampaikan sumbangan kepada SEMSAS sebanyak RM10,000.00



Selesainya acara penyampaian Anugerah Kecemerlangan, majlis dimeriahkan dengan persembahan hiburan oleh bekas-bekas pelajar yang bukan sahaja cemerlang di dalam karier professional masing-masing tetapi berkemahiran untuk menjadi penghibur sambilan.





Dengan berakhirnya persembahan hiburan, tetamu kehormat dan dif-dif jemputan mula meninggalkan majlis.

Majlis telah ditamatkan pada pukul 11.30 malam. Kebanyakan hadirin mengambil kesempatan untuk mengambil gambar terutamanya mengikut batch masing-masing.



D. Penghargaan dan Penutup

EXSAS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan penganjuran AKSHAH kali ini terutamanya dikalangan para penaja platinum, emas dan perak serta kepada Pengetua SEMSAS, Tuan Haji Mokhtar bin Abdullah.

EXSAS juga merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli EXSAS yang tampil menjayakan persesembahan:

- a) **Mohd Fuad Kamal** (SPM 80) – Pengurus Besar SMART Tunnel
- b) **Nazim Nasruddin** (SPM 87) – pegawai CIMB Bank
- c) **Masharuddin Harun** (SPM 91) – pegawai Permodalan Nasional Berhad.
- d) **Azmi Abd Wahab** (SPM 94) – Pengurus Serantau (Asia Selatan) syarikat jualan langsung
- e) **Ahmad Aminuddin bin Mat Taib** (SPM 86) – Pengarah Kreatif Saatchi Labs
- f) **Azlina Dollah** (SPM 77) – Guru Cemerlang
- g) **Zafly Redza Yahaya** (SPM 92) – akauntan JARING.
- h) **Dalila Ludin** (SPM 99) – Perancang Projek, UMW Berhad

Juga tidak ketinggalan para pelajar serta guru yang menjadi pembimbing iaitu Puan Nidzra di dalam menjayakan Orkestra Wind Ensemble iaitu:

- a) Noora Ruzalia bt Nooridwan
- b) Muhammad Fais bin Che Nuddin
- c) Nor Syuhada bt Mohd Azam
- d) Mahathir bin Amirudin
- e) Hanif Rusydi bin Shaari
- f) Mohd Kamal Iqramuddin bin Kamal Ariffin
- g) Ahnaf bin Zulfikri
- h) Amir Zahier bin Adnan
- i) Aina Nadirah bt Rokman
- j) Wan Eric al-Fattah bin Wan Hishamuddin
- k) Ahmad Hafis bin Saman
- l) Mohd Najmir bin Mohd Maliki

Ucapan tahniah kepada batch yang dinobatkan sebagai mencatatkan kehadiran tertinggi iaitu SPM 85.